

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI MASYARAKAT BERMAKLUMAT  
NATIONAL SUMMIT ON INFORMATION SOCIETY (NASIS)  
7 – 8 SEPTEMBER 2005  
INTERNATIONAL CONVENTION CENTER, BRUNEI DARUSSALAM**

---

---

**Date of issue: 8<sup>th</sup> September 2005**

**Doc. S6-5**

**Session 6: Ethical Dimension of the Information Society?**

**Media Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu:  
Peranannya dalam penyerapan nilai**

**by Awg Maslin Haji Jukin,  
Majlis Belia-belia Brunei  
Universiti Brunei Darussalam**

**(Thursday, 8<sup>th</sup> September 2005, 10.30am – 12.15pm)**

---

---

## **MEDIA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU: PERANANNYA DALAM PENYERAPAN NILAI\***

Oleh:  
Awang Maslin Bin Haji Jukim

Harus difahami bahawa makalah yang disampaikan ini bukanlah dapatan penyelidikan yang komprehensif. Kandungannya hanya bersifat sederhana dan cenderung kepada pernyataan atau cetusan peribadi pemakalah yang didasari dari pengalaman, pengamatan dan pembacaan yang terbatas dalam lingkungan ingin tahu tentang fenomena yang berlaku dalam dunia sekarang, iaitu dunia Teknologi Informasi (IT). Ledakan IT telah memuntahkan laharnya ke dunia Melayu. Implikasinya mendesak kekentalan tradisi masyarakat Melayu selama ini didokong bersama mahu tidak mahu untuk berhadapan dengan dunia IT. Walau bagaimanapun, makalah ini akan berfokus kepada media televisyen yang dianggap berpotensi untuk menyalurkan nilai-nilai murni dalam masyarakat Melayu (terutama kepada golongan belia). Di samping itu, makalah ini akan mengimbau tahap-tahap pelaluan komunikasi atau penyampaian nilai tersebut secara ringkas bermula dengan budaya lisan yakni perlambangan pengucapan yang difahami dan selanjutnya berinteraksi antara satu individu kepada individu yang lain yang disebut sebagai kod-kod bahasa (pada asalnya bahasa merupakan proses komunikasi yang berakar umbi sejak

---

\* Kertas kerja ini disampaikan dalam *Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat (Atau National Summit on Information Society – NASIS)*, 7-8 Sepetember 2005, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei.

manusia lahir sehingga dapat bertutur dengan lancar), tahap kedatangan budaya tulisan, iaitu apabila masyarakat Melayu mengenal tulisan yang seterusnya mengalihkan pengucapan bahasa dalam bentuk tulisan, diikuti dengan kemunculan mesin cetak, media radio dan televisyen, dan budaya komputer (IT).

### **Budaya Lisan**

Penyebaran pelbagai bentuk maklumat dalam masyarakat Melayu tradisional tertumpu pada cara lisan. Bahasalah yang mengambil peranan penting menghubungkan antara individu dengan individu yang lain dan dari sebuah masyarakat kepada masyarakat yang lain. Dalam situasi ini juga munculnya bahan-bahan tradisi lisan masyarakat Melayu (misalnya cerita rakyat, perambahan, nyanyian rakyat dan sebagainya) yang berperanan sebagai alat menghibur, menasihat dan mendidik masyarakat. Terhasilnya bahan-bahan tradisi lisan ini bukan saja bersifat eskapisme setelah berpenat lelah berkerja pada siang hari, malah menyalurkan sifat-sifat pendidikan yang informal bagi membentuk sahsiah masyarakat yang lengkap, teguh dan berdisiplin.

### **Budaya Tulisan**

Apabila peradaban tulisan muncul dalam masyarakat Melayu, penyampaian yang terhsil dari tradisi lisan diperteguh dengan mengalihkannya dalam bentuk kekal iaitu tulisan. Rata-rata sarjana

mengatakan bahawa kedatangan Islam di Alam Melayu sekitar abad ke-13 atau ke-14 meletakkan bermulanya masyarakat Melayu memiliki sistem tulisannya tersendiri, iaitu Jawi yakni adaptasi dari huruf-huruf Arab dengan beberapa penambahan huruf bagi menyesuaikan sebutan masyarakat Melayu. Selain berlakunya aktiviti penyaduran, terjemahan kitab-kitab Arab dalam Bahasa Melayu, penulis-penulis tempatan juga menghasilkan karangan mereka pada era budaya tulisan ini. Nilai masyarakat Melayu yang sedia ada diperteguh dengan ajaran Islam dan disalurkan dalam bentuk tulisan di samping aktiviti secara lisan yang masih berterusan. Menurut sarjana, lebih 10,000 naskhah milik orang Melayu masih berselerakan tersimpan di seluruh dunia seperti Perancis, Belanda, Russia, German dan lain-lain lagi. Naskhah-naskhah Melayu yang tersimpan di dalam negeri pun masih ada yang belum ditangani.

### **Budaya Mesin Cetak**

Kedatangan kolonial pada abad ke-18 ke Nusantara ini meletakkan orang Melayu berhadapan dengan perubahan. Apatah lagi penghantaran para pegawai kolonialisme dipertingkatkan dan ramai di antara mereka adalah pegawai kolonialisme yang terlatih dan terpelajar berbanding dengan jumlah pegawai tentera. Pada zaman inilah juga Abdullah Munsyi mencatat sejarah dalam masyarakat Melayu, seorang peranakan Melayu yang amat rapat bersahabat dengan pegawai

Inggeris, iaitu Raffles. Selain bersahabat dengan Raffles, Abdullah Musnyi bertugas sebagai juru bahasa. Sejak pergaulannya dengan Raffles yang selalu melawat perkampungan Melayu, Abdullah Munsyi menghasilkan beberapa karya yang mendedahkan ketidakkelokan orang Melayu (dari sudut pandangannya). Karya-karya Abdullah terhasil dalam bentuk mesin cetak. Ini merupakan satu kejutan dan hambatan bagi masyarakat Melayu apabila munculnya keberanian untuk melakukan kritikan terbuka mengenai masyarakat Melayu yang tersebar melalui mesin cetak yang lebih cepat dan luas penyebarannya. Pada zaman kolonial ini juga pendidikan formal diperkenalkan menurut sukat-sukat kepentingan mereka.

### **Audio-Visual (Radio dan Televisyen)**

Kemunculan teknologi radio yang turut berperanan menyebarkan maklumat kepada orang ramai meninggal kesan kepada masyarakat Melayu. Sebelumnya mereka dihiburkan oleh datuk nenek mereka bercerita yang dibauri dengan unsur fantasi tetapi melalui corong radio mereka tidak lagi perlu menunggu kedatangan datuk nenek mereka pulang dari berkerja pada siang hari. Melalui corong radio ini juga mereka akan mendengar suara tanpa mengenal wajah mereka itu. Ini bererti mereka lebih mengenal nama daripada wajah pemilik nama tersebut. Bermacam-macam maklumat yang dapat disalurkan melalui radio seperti, berita, nyanyian, drama, dan sebagainya.

Kemudian muncul pula satu lagi perkembangan hasil teknologi iaitu televisyen. Jika radio, mereka hanya terbatas kepada mendengar suara tetapi melalui kaca televisyen mereka boleh menonton batang tubuh mereka bergerak, beraksi, bercakap, berinteraksi dan sebagainya. Kemunculun televisyen tidak menjelaskan aktiviti radio kerana kedua-dua bentuk media massa ini masih mempunyai penggemarnya. Khalayaknya bukan saja terbatas kepada kanak-kanak, remaja atau belia tetapi semua peringkat golongan. Oleh sebab itu kesan kemunculan televisyen dalam masyarakat Melayu pelbagai membawa implikasi pro dan kontra.

### **Budaya Komputer (IT)**

Semenjak tahun-tahun 1980-an masyarakat Melayu telah terdedah kepada Teknologi Informasi (IT), iaitu rangkuman cetusan idea baru dan teknologi terkini. Bertepatan dengan sifat budaya fikir yang senantiasa terdedah dengan idea-idea dan inovasi teknologi terkini. Teras Teknologi Informasi ialah komputer. Kemunculan komputer yang terjelma dalam bentuk teknologi dalam masyarakat Melayu mendesak perubahan berlaku sama ada pada gaya kerja dan rentak kerja apabila komputer digunakan dalam sesuatu urusan atau bidang merupakan pengetahuan umum kini. Sebenarnya, yang turut mengalami perubahan juga berlaku pada peringkat yang paling asas iaitu gaya pemikiran atau

budaya fikir individu dan masyarakat. Oleh sebab itu, sekarang ini keberadaan komputer merupakan sesuatu keperluan dalam kehidupan kita dan kepentingannya menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan masyarakat, negara dan hubungan luar negeri. Sama seperti media radio dan televisyen, komputer didekati dan digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

### **POTENSI MEDIA TV DALAM MENYALURKAN NILAI-NILAI MURNI**

Berdasarkan kepada fasa kedatangan dan pertembungan budaya ke dunia Melayu di atas memperlihatkan bahawa penyaluran nilai Melayu itu berkesinambungan walaupun menempuh pelbagai tahap budaya yang datang. Justeru itu, nilai kemelayuan itu masih relevan dalam kehidupan kita sekarang, dan kita perlu mengambil kesempatan ini untuk menggunakan kemudahan yang ada untuk menyalurkan dan menanamkan nilai yang selama ini kita dokong dan warisi secara turun temurun sehingga menciptakan sebuah bangsa yang beridentiti dan berkebudayaan tinggi terutamanya kepada golongan belia yang dianggap sebagai pelapis generasi mendatang dan sebagai sebuah aset negara. Oleh sebab itu, adalah amat perlu menanamkan nilai-nilai murni kepada golongan belia ini.

Jika ditinjau kembali pada kemunculan media televisyen, jenis media ini berpotensi untuk menyampaikan nilai-nilai murni kepada sesebuah

masyarakat termasuklah masyarakat Melayu. Sesungguhnya kepentingan peranan media televisyen dalam pembangunan negara mencakupi pendidikan, sosial, ekonomi dan politik memang dikenal pasti di mana-mana negara. Peranannya akan senantiasa berterusan dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Pendidikan dan pembangunan sosial tidak pernah tercicir atau terpinggir dalam rancangan pembangunan negara. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai cara penyampaian pengajaran dan pembelajaran diaplikasikan dan dilaksanakan termasuklah penggunaan media televisyen selain bahan-bahan cetakan sebagai buku teks. Peranan media televisyen dalam pembangunan sosial juga jelas menghasilkan masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat. Apa tidaknya, kemunculan media televisyen melahirkan bibit-bibit dunia tanpa bersempadan, terlebih lagi dengan kemunculan IT. Media televisyen turut membuka jalan kepada pengusaha penerbitan/profileman (misalnya) untuk mengisi slot-slot tertentu sama ada yang bersifat hiburan, pengetahuan, keagamaan, pengiklanan dan sebagainya. Sesuai dengan fitur media televisyen ini, iaitu mudah, cepat untuk digunakan oleh khalayak apabila ingin menontonnya. Fitur ini juga menjadikan salah satu sebab media televisyen digemari selain mempunyai sifatnya yang lebih menarik.

Media televisyen hanya berperanan sebagai alat yang digunakan untuk meyebarkan sebarang maklumat tetapi pengisianya perlu diadun

dengan baik. Oleh sebab itu rancangan-rancangannya perlulah diatur dan dirancang bersesuaian dan bertepatan dengan untuk mencapai hasrat pembangunan negara. Jika disebaliknya berlaku sudah setentunya akan mengheret khalayaknya kepada gejala yang tidak diingini. Sukat-sukat atau piawaian nilai moral perlu dititikberatkan dalam segala bentuk rancangan untuk tontonan khalayak terutamanya kepada golongan belia. Kesan psikologi juga berlaku melalui menonton televisyen iaitu dari aspek kognitif, emosi dan juga tingkahlaku. Tiga aspek utama ini perlu dijaga dalam perkembangan belia-belia kita agar tidak tersalah asuh.

Dalam dunia yang semakin mengecil ini, kita perlu berhati-hati kerana globalisasi memang sukar kita tahani, apa tidaknya tiap-tiap hari masyarakat kita terdedah kepada media televisyen yang menghidangkan siaran beraneka ragam sama ada di luar rumah ataupun dalam rumah. Ini bererti peranan pendidikan informal di rumah yang dimonopoli oleh ibu bapa terpaksa berdayasaing dengan media televisyen. Tambahan lagi, persaingan semakin hebat dengan adanya kemasukan siaran luar melalui rangkaian kabel tertentu.

Kesimpulannya, apabila kita meletakkan golongan belia itu sebagai nadi penggerak bangsa dan mengangkatnya sebagai pemimpin masa hadapan atau generasi penerus, perlulah kita menyedari bahawa

tanggungjawab membentuk mereka seperti yang diharapkan bukan hanya terletak kepada satu pihak misalnya ibu bapa sahaja. Kita sebagai ibu bapa memang memainkan peranan penting sebagai rol model kepada mereka dan berperanan secara aktif menanamkan nilai-nilai murni dalam pemikiran dan tingkahlakunya. Tetapi dengan adanya huluran tanggungjawab bersama dari pelbagai pihak akan lebih bermakna untuk mendapatkan golongan belia yang dihasratkan.

## Bacaan

- Bryan, j and D. Zillion. "Media Effect: The Psychology of Television".  
<http://www.lucidexperience.com/HypnoPapers/529.html> (August 2005)
- Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir. (2005). *Multimedia: Konsep dan Praktis*. Selangor: Venton.
- Jane M. Healy. (1999). *Failure to Connect*. New York: Simon and Schuster.
- Hairudin Harun. (1999). "Weltanschaung Melayu dalam Era Teknologi Maklumat: Komputer Menjadi Teras Pemikiran atau Punca Tewasnya PemikiranMelayu?  
<http://www.chass.utoronto.ca/epc/srb/cyber/haroutmal.html> (May 2005)
- Saad Al-Harran., Dr. *For Today's Social ills: Islam is The Solution*. Kuala Lumpur: A. S Noordeen